

12/08/1998

Tidak cabar Dr M (HL)

Mahfar Ali; M Thillinadan

GEORGETOWN, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengulangi pendiriannya tidak akan mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden Umno, dalam pemilihan parti itu tahun depan.

Serentak itu, Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan semua 11 bahagian Umno di Pulau Pinang akan mencalonkan Perdana Menteri sebagai presiden parti itu.

Sambil menyatakan kesetiaan dan sokongan penuhnya terhadap kepemimpinan Dr Mahathir, Timbalan Presiden Umno itu berkata kenyataan terbuka itu dibuatnya bagi mematikan desas desus kononnya beliau akan merebut kerusi presiden.

"Desas desus ini bukanlah baru, tetapi masih berterusan. Bagaimanapun, ia tidak munasabah dan tidak berasas.

"Dan sekiranya wujud lagi, ia memang diada-adakan oleh orang yang berniat jahat untuk melemah dan melaga-lagakan kami dalam parti," katanya disambut tepukan lebih 5,000 ahli dan pemimpin Umno di majlis perasmian Menara Umno Pulau Pinang di sini, petang ini.

Anwar menegaskan demikian ketika berucap sebelum Dr Mahathir merasmikan Menara Umno Negeri di sini. Perdana Menteri, dalam ucapan perasmianya berterima kasih atas sokongan dan jaminan Anwar berhubung pencalonan 100 peratus daripada Umno Pulau Pinang kepadanya supaya mengekalkan kerusi presiden itu.

"Saya harap jangan setakat calon saja, tetapi kenalah undi sama," kata Dr Mahathir sambil berseloroh.

Dalam ucapannya, Anwar yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang menegaskan, beliau sudah menyatakan pendirian itu dengan rakan-rakan dalam Umno Pulau Pinang.

"Saya telah berbincang dengan Ketua Bahagian dan Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang dan eloklah dengar pendirian saya. Kalau dengar desas desus, maka ia akan menimbulkan masalah kepada parti dan rakyat," katanya.

Menurut Anwar, beliau tidak mungkin menentang Dr Mahathir kerana bukan saja sudah lama berjuang bersama Perdana Menteri, malah banyak berhutang budi secara peribadi.

"Saya berjuang bersama-sama dalam parti dan saya berhutang budi kepada Dr Mahathir dan saya nak tunjukkan ketaatan saya kepada Dr Mahathir," katanya sambil menambah, pendirian itu bukanlah perkara baru, malah diulanginya pada setiap tahun ketika perhimpunan agung parti tetapi desas-desus masih timbul.

Anwar mengakui ada kalanya beliau dan Dr Mahathir mempunyai pandangan berbeza tetapi mereka menganggap mustahil perkara itu boleh menimbulkan perpecahan dalam parti.

Sebaliknya, ujar beliau, perkara pokok termasuk dalam soal ekonomi yang dibincangkan dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) tetap dirunding dan penyelesaian dibuat bersama.

"Dr Mahathir sendiri tahu pandangan kita dalam mesyuarat kadang-kadang ada perbezaan tetapi kita anggap mustahil hal-hal ini boleh menimbulkan pecah-belah.

"Beliau bukan pemimpin baru, pengalamannya banyak, sepak terajangnya pun cukup luar biasa. Kalau nak banding saya dengan dia, saya sebagai pelajar saja. Jadi saya tahu... nak lawan guru tak boleh, apa lagi nak lawan bapak," kata Anwar.

Secara berseloroh, Timbalan Perdana Menteri turut berpesan kepada

bahagian-bahagian Umno di Pulau Pinang bahawa ketika mencalonkan Dr Mahathir sebagai Presiden, mereka jangan pula lupa mencalonkannya sebagai Timbalan Presiden pada pemilihan tahun depan.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan tertutup dengan Badan Perhubungan negeri di Menara Umno.

(END)